

02 APR 1998

Parlimen-Mata wang

BERAS DIDAGANG GUNA MATA WANG SERANTAU

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Beras ialah antara komoditi yang akan didagang menggunakan mata wang negara masing-masing dalam urusan perdagangan antara negara-negara Asean, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Komoditi lain termasuklah kayu kayan, getah asli, koko dan produk pertanian, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Wong See Wah semasa menjawab soalan Zainal Abidin Osman (BN-Mersing).

Mekanisme pembayaran itu telah dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ekoran kejatuhan nilai mata wang serantau berbanding dolar Amerika Syarikat.

Wong berkata antara faedah yang diperolehi menerusi mekanisme itu ialah selain dapat menggalakkan perdagangan serantau, ia juga bertujuan mengurangkan pergantungan kepada dolar Amerika dalam urusan perdagangan serantau.

"Ia juga mengurangkan risiko khususnya yang timbul dari turun-naik kadar pertukaran asing," katanya.

Kepada soalan tambahan Datuk Haji Mahbud Hashim (BN-Sabak Bernam), Wong berkata sehingga kini perbincangan dua hala untuk melaksanakan mekanisme itu telah dijalankan dengan Filipina dan Singapura manakala Thailand turut menunjukkan minat.

Kepada soalan asal Datuk Abu Seman Yusop (BN-Alor Gajah), beliau berkata, mekanisme itu telah dikaji oleh satu pasukan petugas khas yang dianggotai oleh wakil bank-bank pusat Asean.

Pasukan itu telah memperakukan mekanisme Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) dalam satu mesyuarat pada akhir Februari lepas.

"Menteri-menteri Kewangan Asean telah menyokong penggunaan BPA dan seterusnya bersetuju supaya ia dilaksanakan secara sukarela serta secara dua hala," kata Wong.

Berdasarkan BPA itu, kedua-dua negara yang terlibat akan melantik agen penjelasan yang boleh terdiri daripada bank pusat atau bank lain yang sesuai. -- BERNAMA

NM MAI